



23 JUL, 2022

Medan Niaga Satok bakal dinaik taraf

Utusan Sarawak, Malaysia

Medan Niaga Satok bakal dinaik taraf

KUCHING: Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg menerima kunjungan hormat daripada pengurusan tertinggi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Pejabat Premier Sarawak, Tingkat 22, Wisma Bapa Malaysia, Kuching petang Khamis.

Menurut Ketua Pengarah FAMA, Dato' Zainal Abidin Yang Razalli, Medan Niaga Satok terutamanya di kawasan benteng yang sedia ada akan dinaik taraf sebagai tarikan agropelancongan yang mana pengunjung boleh mendapatkan hasil pertanian, makanan dan juga melakukan aktiviti hiburan siang dan malam.

"Penaiktarafan Medan Niaga Satok ini juga akan menjadi pemangkin kepada pembangunan pelancongan yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Sarawak," katanya ketika ditemui pemberita.

Sementara itu, katanya, kunjungan kepada Premier Sarawak adalah bertujuan membincangkan projek dan pelaksanaan tugas FAMA di Sarawak.

Turut hadir, Menteri Pemodenan Pertanian dan Pembangunan Wilayah Sarawak, Dato Sri Dr. Stephen Rundi Utom,



KENANGAN.... Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg merakam gambar bersama-sama Ahli Pengurusan Tertinggi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) selepas sesi kunjungan hormat.

ADUN Seremba merangkap Ahli Lembaga Pengarah FAMA Miro Simuh, Timbalan Ketua Pengarah FAMA (Operasi),

Abdul Rashid Bahri, Pengarah Kanan Perancang Strategik, Wan Faizatul Aniza Ismayatim, Pengarah Bahagian Pemas-

ngunan Institusi Pemasaran, Norsalawaty Abdul Kadir dan Pengarah FAMA Negeri Sarawak, Abdul Ja'afar Lian.



23 JUL, 2022

Medan Niaga Satok bakal dinaik taraf

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUCHING: Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg menerima kunjungan hormat daripada pengurusan tertinggi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Pejabat Premier Sarawak, Tingkat 22, Wisma Bapa Malaysia, Kuching petang Khamis.